



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Ciri-ciri Usahawan Beradab

Suhanom Mohd Zaki¹, Nur Masriyah Hamzah², Asyura Abd Nassir³ dan Norlaila Mohd Din⁴

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jengka, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang.

²Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jengka, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang.

³Pusat Pengajian Matematik dan Statistik, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jengka, 26400, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang.

⁴Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jengka, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang.

*Koresponden: suhanom@uitm.edu.my

Usahawan merupakan individu yang mencari pendapatan hidup melalui perusahaan perniagaan dan berkhidmat kepada masyarakat melalui perniagaannya. Secara amnya, terdapat ciri-ciri yang sering dikaitkan dengan usahawan seperti sentiasa mencari pembaharuan, bersikap proaktif, mengambil peluang untuk perubahan ke arah yang lebih baik, membuat pertimbangan yang bijak dalam perniagaannya dengan menitikberatkan aspek inovasi, keuntungan dan perkembangan.

Dalam menjalankan urusan perniagaan, usahawan mudah terdedah kepada elemen penipuan, penindasan dan penganiayaan. Antara faktor kegagalan menguruskan perniagaan termasuklah kurangnya penguasaan ilmu perniagaan, sikap usahawan yang mengejar keuntungan yang besar dan mempunyai sifat hasad dengki. Situasi perniagaan masa kini di mana perniagaan dijalankan secara meluas dalam talian turut membuka ruang kepada usahawan untuk melakukan penipuan. Sebagai contoh sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 4.1, wujudnya sindiket penipuan jual beli barang kemas secara dalam talian. Hal ini akan menimbulkan kegusaran dalam masyarakat dan seterusnya memudaratkan individu, keluarga dan masyarakat tersebut. Oleh yang demikian, usahawan tidak seharusnya fokus kepada tuntutan jasmaninya, malah turut mengutamakan pembangunan rohaninya. Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Fakhrurrazi, Abu Yazid dan Salmy Edawati (2022) berkaitan pembangunan kerohanian usahawan Melayu di Malaysia telah menemui salah satu daripada empat elemen yang perlu ada pada diri usahawan iaitu adab seorang usahawan. Usahawan yang mencari jalan untuk menuju Allah mendapat bimbingan daripada seorang guru mursyid dan perlu menjaga adab dengan gurunya. Ini melatih usahawan tersebut untuk sentiasa menjaga adab dan menghormati setiap individu yang dikenalnya. Berikut merupakan lima ciri usahawan beradab iaitu mempunyai etika perniagaan yang kuat, menghargai pekerja, menjaga kelestarian alam sekitar, inovatif dan menjaga profesionalisme diri.

1. Etika perniagaan yang kuat
Seorang usahawan perlu mengamalkan tingkah

laku beretika dalam menjalankan perniagaan seperti adil, jujur, dan bertanggungjawab. Mohd Koharudin (2021) menyimpulkan bahawa etika adalah perlakuan yang baik, yang menepati nilai-nilai dan norma yang dianuti oleh sekelompok manusia. Pelbagai program dan kempen telah dijalankan bagi menerapkan etika di dalam setiap urusan perniagaan sebagai contoh, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mewujudkan Etika Perniagaan Malaysia (EPM) pada tahun 2015. Penerapan prinsip integriti di dalam EPM seperti jujur, telus dan berhemah dalam perniagaan mampu mewujudkan kepercayaan dalam perhubungan perniagaan antara rakan niaga dan pelanggan serta dapat mengukuhkan iklim pelaburan yang positif kepada para pelabur.

2. Menghargai pekerja
Sebagai usahawan yang mempunyai pekerja, mereka perlu menjadi majikan yang menghormati para pekerja, menghargai sumbangan pekerja, dan menyokong kepelbagaian mereka dari segi umur, jantina, bangsa, latar belakang budaya, pengalaman hidup, pemikiran dan idea. Majikan yang bertanggungjawab perlu mematuhi keperluan pekerja berdasarkan akta yang ditetapkan merangkumi aspek gaji yang adil, faedah sampingan, jangka masa kerja yang munasabah dan kemudahan cuti. Selain itu, majikan juga perlu menyediakan persekitaran kerja yang kondusif bagi pekerja, pelanggan dan rakan niaga bagi meningkatkan produktiviti sesebuah perniagaan.

3. Menjaga kelestarian alam sekitar
Usahawan hendaklah memastikan aktiviti perniagaan mereka serasi dengan ekosistem atau mesra alam. Dalam hal ini kerjasama di antara organisasi kerajaan dan organisasi perniagaan amatlah penting untuk pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Kerjasama ini memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan juga masyarakat. Sebagai contoh,

arahan untuk memasang alat kawalan pencemaran yang lebih efisien yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar kepada pengusaha ladang dalam industri kelapa sawit. Selain itu, amalan-amalan penjagaan alam sekitar seperti guna semula, kitar semula, dan mengurangkan penggunaan bahan turut menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

4. Inovatif

Inovasi dalam keusahawanan pada masa kini amatlah penting bagi menghasilkan kualiti kerja yang lebih baik. Dalam membentuk seorang usahawan yang beradab dan berjaya, para usahawan bukan sahaja perlu bijak dalam merancang strategi dan mencari peluang untuk mengembangkan perniagaan, malah mereka juga perlu sentiasa berfikir kreatif dan berinovasi dalam perniagaan. Sebagai contoh, penggunaan teknologi dalam perniagaan seiring dengan kemajuan teknologi pada masa kini. Kebanyakan perniagaan kini dijalankan menggunakan platform atas talian dan usahawan yang beradab haruslah mengadaptasi teknologi dalam perniagaan bagi memudahkan urusan jual beli dijalankan di mana sahaja serta menjimatkan masa.

5. Menjaga profesionalisme diri

Umum mengetahui bahawa seorang usahawan banyak berkomunikasi dengan pelbagai pihak. Menjaga etika dan adab ketika berkomunikasi dengan pihak lain adalah merupakan salah satu ciri profesional yang perlu ada dalam diri seorang usahawan. Seorang usahawan perlu menjaga tutur kata, bercakap dengan sopan dan berhemah serta perlu menghormati pendapat atau kritikan membangun yang diberikan oleh pihak lain. Dengan wujudnya komunikasi berkesan beserta adab yang baik, usahawan dapat membina keharmonian dan hubungan sosial yang baik dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Mereka juga perlu bersifat profesional dalam menguruskan masa, jujur dalam perniagaan dan menjaga penampilan diri ketika berurusan dengan pihak lain. Sekiranya pihak berkepentingan telah memberi kepercayaan yang tinggi kepada seorang usahawan itu, maka mereka akan setia dan terus menyokong perniagaan tersebut dalam satu tempoh masa yang panjang.

Kesimpulannya, usahawan beradab yang mempunyai ciri-ciri yang telah digariskan perlu turut menekankan aspek pembangunan rohani dalam memastikan kesinambungan perniagaannya. Usahawan beradab menitik beratkan nilai-nilai murni bagi menjaga hubungan baik dengan faktor sekeliling seperti mengutamakan sifat jujur dan amanah. Hubungan

Dapatkan Newsletter Percuma

Sinar Harian

PBU | Sinar Premium | Sinar Daily | SinarPlus | Sinar Bestari | Sinar Islam Plus

Utama | Terkini | Berita | Suara Sinar | Podcast | Khas | Video | E-Paper | Pengiklanan

Panasonic U SERIES JET PUMP WATER HEATER
SAFE & HYGIENIC | COMFORT

BERITA - Semasa

Empat ditahan kes tipu jual beli barang kemas dalam talian

oleh AHMAD ISMAIL | EMAIL 29 Januari 2023 10:01am Masa membaca: 2 minit



Gambar Hiasan

A- A- A-

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami

KUALA LUMPUR - Seramai empat individu termasuk dua wanita disyaki terlibat dengan sindiket penipuan jual beli barang kemas dalam talian diberkas secara berasingan di Lembah Klang, pada Khamis lalu.

Sebiasaha Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Noorsiah Mohd Saaduddin berkata,

Rajah 1: Empat ditahan kes tipu jual beli barang kemas dalam talian (Sinar Harian, 29 Januari 2023)

(Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/242703/berita/semasa/empat-ditahan-kes-tipu-jual-beli-barang-kemas-dalam-talian>)

baik di antara usahawan dan pekerja juga penting untuk dikekalkan kerana pekerja adalah aset utama kepada sebuah perniagaan. Alam sekitar juga akan terpelihara sekiranya usahawan beradab dalam menjalankan operasi perniagaannya dengan tidak mencemarkan alam sekitar malah meningkatkan kualiti persekitaran. Di dalam dunia perniagaan yang sengit dengan perlumbaan, usahawan seharusnya mengatur strategi dan bersaing secara sihat dengan menerapkan elemen inovasi untuk kekal bersaing dan dalam masa yang sama meningkatkan nilai profesional dalam diri mereka. Usahawan beradab bukan hanya fokus kepada kejayaan sendiri tetapi juga memberi manfaat dan mampu meningkatkan kualiti faktor-faktor yang berada di sekelilingnya.

Rajah 1: Empat ditahan kes tipu jual beli barang kemas dalam talian (Sinar Harian, 29 Januari 2023)

(Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/242703/berita/semasa/empat-ditahan-kes-tipu-jual-beli-barang-kemas-dalam-talian>)

Rujukan

- [1] Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. (1986). *Ihya' ulum aldin*. Lubnan: Dar al-Fikr, Beirut.
- [2] Al-Qaradhwai, Yusuff. (2001). *Dawr al-qiyam wa al-akhlaq fi al-iqtisad al-Islami*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- [3] BINUS Higher Education. (2017). Article - 7 Cara Menjaga Profesionalisme dalam Karier dan Pekerjaan Anda. Sumber maklumat diakses dari <https://binus.ac.id/alumni/news/2961/article-7-cara-menjaga-profesionalisme-dalam-karier-dan-pekerjaan-anda/> pada 13 Jun 2023.
- [4] Mohamed, Z. & Saad, S. (2022). Amalan Etika Perniagaan di Kalangan Usahawan: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Modern Trends in Business Research*, 5 (20), 1-12.
- [5] Mohammed Zabidi, A.F. Abdul Kadir, A.Y. , and Yaacob , S.E. (2022). Pembangunan Kerohanian Usahawan Melayu di Malaysia : Tinjauan dari Perspektif Guru-Guru Murshid: *Spiritual Development of Malay Entrepreneurs in Malaysia: A Perspective From Murshid Teachers*. 'Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities. 27 (1). 158-175.
- [6] Mohd Koharuddin, M.B. (2021). *Etika dalam Kalangan Penjawat Awam*, UTM Press: Skudai.
- [7] Nurdin, G., Chan, G. K., Selvadurai, S., and Ishak, S. (2014). Hubungan sosial dan perniagaan kecil-kecilan di Malaysia-Tingkah laku inovatif usahawan wanita atas talian. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6), 206-218
- [8] Sabah Creative Economy and Innovation centre. (2021). Kebaikan dan Kepentingan inovasi dalam keusahawanan pada masa kini. Sumber maklumat diakses dari <https://scenic.my/kebaikan-dan-kepentingan-inovasi-dalam-keusahawanan-pada-masa-kini/> pada 15 Jun 2023.